



## Melaka Memanfaatkan Cat Pantulan Haba bagi Menangani Suhu Tinggi di Flat Perumahan Awam

Penduduk, rakan strategik dan pihak berkuasa tempatan berganding bahu memperkukuh daya tahan iklim di Bandaraya Melaka

**Melaka, 18 April 2026** — Lebih 2,000 penduduk di Rumah Pangsa Pantai Peringggit bakal menerima manfaat daripada inisiatif daya tahan iklim yang diterajui oleh Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Z Zurich Foundation, Zurich Malaysia dan Resilient Cities Network (R-Cities). Sebagai sebahagian daripada program *Resilience for Communities* (R4C) di bawah *Urban Climate Resilience Programme* (UCRP), kerjasama ini menggabungkan penyelidikan, penglibatan komuniti dan penyelesaian praktikal bagi membantu menangani peningkatan haba dalaman rumah, sekali gus meningkatkan kualiti kehidupan serta kesejahteraan komuniti setempat.

Penyelidik daripada Nanyang Technological University (NTU) melalui Asian School of the Environment telah memasang alat pemantauan haba dalaman di seluruh kawasan rumah pangsa dan di beberapa unit kediaman terpilih bagi memahami kesan haba melampau terhadap komuniti. Hasil penyelidikan mendapati suhu dalaman di Rumah Pangsa Pantai Peringggit berpotensi untuk kekal tinggi dan mencecah sehingga 29 °C walaupun pada waktu malam ketika suhu luar sudah mulai menurun.

Isu haba ini menimbulkan kebimbangan terhadap kesihatan, khususnya kepada warga emas dan kanak-kanak yang lebih berisiko khususnya apabila suhu dalaman bangunan merekodkan bacaan yang tinggi. Bagi membantu menangani isu ini, cat pantulan haba Dulux digunakan dengan sokongan daripada AkzoNobel Malaysia sebagai intervensi praktikal mengurangkan suhu dalaman untuk meningkatkan keselesaan.

Inisiatif ini turut merangkumi penghasilan beberapa mural yang direka bersama komuniti dan dicat menggunakan cat pantulan haba yang sama. Pada hari ini, sukarelawan Zurich Malaysia bersama-sama penduduk menjayakan penghasilan mural tersebut, sekali gus menjadikan langkah daya tahan iklim ini sebagai simbol semangat komuniti dan kebanggaan bersama.

Meneruskan usaha tersebut, program terbaharu yang diadakan pada 18 April 2026 bertajuk “Program Dari Komuniti Untuk Komuniti: Komuniti Cakna Pantai Peringggit Sejahtera” telah memperkukuh lagi penglibatan komuniti serta kesedaran mengenai daya tahan haba, kesihatan dan kesejahteraan kejiwaan. Program ini menyediakan platform kepada penduduk, agensi tempatan, pemimpin komuniti dan rakan strategik untuk bersama-sama membentuk persekitaran kehidupan yang lebih selamat, sihat dan berdaya tahan menerusi pendekatan yang dipacu komuniti.

**Datuk Kalsom binti Noordin, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti Negeri Melaka**, berkata, “Kami amat menghargai semua pihak yang terlibat dalam menyokong penduduk Rumah Pangsa Pantai Peringggit. Inilah hasilnya apabila komuniti, keluarga, sektor swasta dan kerajaan berganding bahu dalam membina semangat komuniti untuk melindungi warga emas dan kanak-kanak serta meningkatkan kesejahteraan hidup semua.”



**Datuk TPr. Hj. Murad bin Hj. Husin, Pengarah Lembaga Perumahan Melaka**, berkata, “Kami menyokong sepenuhnya inisiatif ini sebagai usaha meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat. Penggunaan cat pantulan haba membuktikan satu penyelesaian yang praktikal dan berimpak tinggi, dan kami komited untuk meneruskan, menambah baik serta memperluaskan pendekatan ini ke seluruh skim yang ada di bawah kawalan Lembaga Perumahan Melaka (LPM). Kami percaya setiap individu, tanpa mengira latar belakang atau status ekonomi, berhak dilindungi dan menikmati kediaman yang selamat, sejuk dan selesa.”

**Puan Teresa Wong, Ketua Pegawai Risiko (Segmen Am) dan Ketua Risiko Kelestarian, Zurich Malaysia**, berkata, “Berdasarkan Laporan Risiko Global 2026, yang dibangunkan oleh World Economic Forum, cuaca ekstrem kini menjadi antara risiko utama global dalam jangka pendek dan panjang. Melalui UCRP-R4C ini, kami bekerjasama rapat dengan rakan strategik di peringkat tempatan dan komuniti setempat untuk menterjemahkan kesedaran kepada tindakan praktikal. Di Pantai Peringgit, ini bermaksud menyokong penyelesaian yang bukan sahaja menangani risiko iklim, malah mencerminkan keperluan, keutamaan dan kekuatan komuniti itu sendiri. Kami berbangga melihat usaha ini direalisasikan melalui inisiatif yang membantu mewujudkan kejiranan yang lebih selamat, sihat dan berdaya tahan.”

**Puan Katrin Bruebach, Pengarah Program dan Pelaksanaan Global, Resilient Cities Network**, berkata, “Inilah yang berlaku apabila setiap individu rasa bertanggungjawab dan turut bersama-sama membina masa depan komuniti ke arah yang lebih positif dan pelbagai sokongan yang diberikan melalui rakan strategik. Ini bukan sekadar mengenai sapuan cat, ia juga menceritakan mengenai sebuah komuniti yang memahami risiko haba bandar, sedang merangka penyelesaian, serta membina pengetahuan dan ruang yang diperlukan untuk menyesuaikan diri.”

**Encik Craig Tham, Ketua Komersial AkzoNobel Malaysia**, berkata, “Melalui kerjasama bersama, kita dapat menangani cabaran risiko pulau haba bandar yang wujud secara berkesan. Ini membuktikan keupayaan melalui teknologi cat dan impak positif yang boleh dihasilkan dalam menjadikan kediaman lebih selesa.”

Acara pada hari ini turut merangkumi bengkel kesiapsiagaan banjir dan literasi kewangan untuk penduduk Rumah Pangsa Pantai Peringgit dan Rumah Awam Pantai Peringgit. Bersama-sama inisiatif komuniti lain yang memberi tumpuan kepada risiko haba melampau dan banjir, program ini bertujuan memperluas impaknya dalam membantu komuniti di seluruh Melaka menjadi lebih bersedia, sihat dan saling terhubung.

Untuk maklumat lanjut mengenai UCRP-R4C yang dibiayai oleh Z Zurich Foundation dan turut disokong oleh Zurich Malaysia serta usaha membina komuniti berdaya tahan iklim, sila layari: [www.zurich.com.my/about-zurich/corporate-responsibility/urban-climate-resilience-program](http://www.zurich.com.my/about-zurich/corporate-responsibility/urban-climate-resilience-program)

\*\*\*

**Nota kepada editor**

#### **Mengenai daya tahan komuniti**

Daya tahan komuniti merujuk kepada keupayaan sesebuah komuniti untuk bangkit semula dan menyesuaikan diri terhadap perubahan iklim. Keupayaan ini bergantung pada ciri fizikal, sosial dan ekonomi yang unik bagi sesebuah komuniti. Komuniti yang berdaya tahan mampu menghadapi, pulih



dan terus berkembang maju walaupun berdepan dengan bencana. Dengan memahami persepsi komuniti terhadap risiko, tahap kesedaran serta halangan yang dihadapi, pihak berkuasa tempatan dapat membantu komuniti menjadi lebih bersedia dan berdaya tahan.

### **Mengenai Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah**

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) merupakan pihak berkuasa tempatan yang dipertanggungjawabkan dalam pembangunan, pemeliharaan dan pentadbiran bandar dalam kawasan pentadbirannya. MBMB komited memacu Bandaraya Melaka ke arah pembangunan mampan, berdaya tahan, dinamik, pintar dan makmur, di samping memelihara serta mempromosikan warisan budaya, sejarah dan seni bina Melaka yang unik. MBMB terus meningkatkan mutu perkhidmatan kepada warga Melaka dan pelancong dengan visi untuk Memimpin Bandar Kosmopolitan Bertaraf Dunia. Maklumat lanjut boleh didapati di [www.mmb.gov.my](http://www.mmb.gov.my).

### **Mengenai Z Zurich Foundation**

Z Zurich Foundation bekerjasama dengan Zurich Insurance Group, pihak berkepentingan lain, kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk mewujudkan masa depan yang membolehkan masyarakat menghadapi cabaran perubahan iklim, tekanan dan ketidaksamarataan sosial dengan lebih baik. Yayasan ini merupakan organisasi kebajikan yang berpangkalan di Switzerland dan menjadi medium utama Zurich Insurance Group dalam melaksanakan strategi pelaburan komuniti globalnya.

Maklumat lanjut mengenai usaha yaysan ini boleh diperoleh melalui [www.zurich.foundation](http://www.zurich.foundation).

### **Mengenai Zurich Malaysia**

Zurich Malaysia ialah rujukan kolektif kepada subsidiari perniagaan Zurich Insurance Group yang beroperasi di Malaysia, iaitu Zurich General Insurance Malaysia Berhad, Zurich Life Insurance Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad dan Zurich Takaful Malaysia Berhad. Zurich Malaysia menawarkan pelbagai penyelesaian insurans dan takaful yang komprehensif bagi membantu individu serta pemilik perniagaan melindungi diri, perniagaan dan aset mereka daripada risiko. Zurich Malaysia mempunyai rangkaian cawangan bersepadu di bandar utama seluruh negara serta saluran agensi dan pengedaran khusus untuk memenuhi keperluan pelanggan. Maklumat lanjut di [www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my).

### **Mengenai Resilient Cities Network (R-Cities)**

Resilient Cities Network (R-Cities) ialah rangkaian daya tahan bandar terkemuka dunia yang menghimpunkan pengetahuan global, amalan terbaik, kerjasama strategik dan pembiayaan bagi membantu bandar membina komuniti yang selamat dan saksama. Pendekatan berteraskan bandar memastikan setiap bandar memimpin agenda pembangunan demi manfaat komuniti setempat. Beroperasi di hampir 100 bandar di seluruh dunia, R-Cities menyokong projek dan penyelesaian di lapangan untuk membina bandar yang berdaya tahan iklim, berkonsepkan ekonomi kitaran dan inklusif. Maklumat lanjut di [resilientcitiesnetwork.org](http://resilientcitiesnetwork.org).

### **Mengenai AkzoNobel**

Sejak tahun 1792, AkzoNobel membekalkan cat dan salutan inovatif yang membantu mewarnai kehidupan dan melindungi perkara yang paling penting. Portfolio jenama syarikat termasuk Dulux, International, Sikkens dan Interpon yang dipercayai pelanggan di seluruh dunia. AkzoNobel beroperasi di lebih 150 negara dan komited menyediakan penyelesaian yang lebih mampan demi masa depan yang lebih baik.